

MODUL PEMBELAJARAN 5E DALAM INKUIRI PENEMUAN

Model 5E mengandungi aktiviti-aktiviti berfokuskan murid. Murid akan melibatkan diri, meneroka, membuat penerangan, mengembangkan idea dan membuat penilaian. Rujuk di bawah.

Model Pembelajaran 5E

FASA	PENERANGAN
Pelibatan (Engagement)	<ul style="list-style-type: none">• Guru merangsang minda murid untuk menimbulkan rasa ingin tahu murid.• Guru memperkenalkan konteks.• Guru mencungkil pengetahuan sedia ada murid.
Penerokaan (Exploration)	<ul style="list-style-type: none">• Murid membina pemahaman konsep berdasarkan aktiviti <i>hands-on</i>.• Murid menjalankan penyiasatan secara terbimbing atau terbuka bagi menjawab persoalan yang telah timbul.• Murid mencari maklumat/data menggunakan pelbagai sumber.• Murid menjalankan penyiasatan untuk menjana idea baharu atau menyelesaikan masalah.
Penerangan (Explanation)	<ul style="list-style-type: none">• Murid membina penerangan dan idea lanjutan melalui refleksi tentang penyiasatan yang telah dilaksanakan.• Guru memberikan input bagi menyemak pemahaman konsep yang telah dibentuk oleh murid.
Pengembangan (Elaboration)	<ul style="list-style-type: none">• Murid mengembangkan pemahaman konsep melalui pengaplikasian dalam situasi baru.
Penilaian (Evaluation)	<ul style="list-style-type: none">• Penilaian berlaku di setiap fasa bagi mentaksir perkembangan murid.• Menggalakkan murid untuk menilai pemahaman dan kebolehan mereka.

(Sumber: Bahagian Perkembangan Kurikulum,
Kementerian Pendidikan Malaysia)